

20/10/2003

4,000 sertai Larian Perdana

KUALA LUMPUR: Kira-kira 4,000 penduduk daripada pelbagai lapisan masyarakat, termasuk pelajar sekolah dan institusi pengajian tinggi (IPT), semalam menyertai Larian Perdana Budimu Di Hatiku bagi mengenang jasa Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Larian sejauh 3.5 kilometer yang dimulakan di Menara Kuala Lumpur di sini, dianjurkan Kelab Sukan dan Rekreasi Warga Maju dengan kerjasama Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat serta beberapa badan bukan kerajaan (NGO).

Program itu dirasmikan Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, Datuk Dr Siti Zaharah Sulaiman.

Pada majlis berkenaan, Siti Zaharah turut melancarkan memoir interaktif dalam bentuk cakera padat (CD) mini yang mengandungi pelbagai maklumat sepanjang 22 tahun Dr Mahathir berkhidmat sebagai Perdana Menteri.

Dr Siti Zaharah berkata, program itu diadakan bagi memberi rakyat peluang menyatakan penghargaan terhadap kepemimpinan Dr Mahathir yang akan bersara hujung bulan ini.